



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENGKAJI PENGARUH PENDAPATAN IBU-BAPA  
SEBAGAI KOMPENEN SES TERHADAP  
PENCAPAIAN PELAJAR  
DI SEKOLAH**

**FAHMI BIN AHMAD SUBRI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2006**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali petikan dan ringkasannya yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

16 OKTOBER 2006

.....  
  
.....

**FAHMI BIN AHMAD SUBRI**

**M20021000392**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat juga akhirnya saya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Salawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Mendahului ruang penghargaan saya ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan saya kepada Prof. Madya Doktor Shafie selaku penyelia kertas projek ini, kerana begitu banyak memberi dorongan, sokongan dan tunjuk ajar bagi saya menyiapkan kertas projek ini.

Setinggi penghargaan saya juga kepada semua pensyarah yang pernah mendidik saya dari pensyarah fakulti perniagaan dan ekonomi terutamanya professor Datuk Dr Mahdzan, Dr Osman Rani, En Ramli, En Khairuddin, Dr Omar, ataupun dari jabatan-jabatan yang lain seperti Dr Sofea, Dr Datin Noran dan juga kepada mereka yang pernah membimbang saya yang tidak dinyatakan namanya di sini. Segala ilmu yang diberikan sepanjang tempoh sesi kuliah merupakan pengalaman yang sangat bermakna dalam usaha meningkatkan lagi martabat keilmuan terutamanya dalam proses membuat kajian dan penyelidikan pada masa akan datang.



Kalungan penghargaan juga diberikan kepada rakan – rakan seperjuangan dalam pengajian sarjana dan rakan kerjaya yang telah banyak membantu, dalam proses mendapatkan segulung sarjana ini. Jasa kalian dalam memberi motivasi, sokongan dan bantuan hanya Allah sahaja yang akan membalasnya.

Kalungan paling teristimewa saya tujukan kepada isteri tercinta Cik Norazmani Binti Che Mat dan anak-anak juga ibu (Saaidah md Hasnam) dan ayah (Ahmad Subri b. Dumli) yang telah banyak berkorban dari sudut kewangan ,masa dan fikiran dalam membantu saya menyelesaikan pengajian saya ini dengan jayanya.

Akhir sekali mudahan langkah kecil ini akan menjadi dorongan kepada anak-anak tercinta (Nurin Farhana, Fariz Afifi, Fariz Imran dan Fariz Amzar) untuk turut mengikut jejak langkah ayah mereka malah ke peringkat yang lebih tinggi.





## ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah pengaruh pendapatan sebagai komponen SES dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan berbanding faktor SES lain dan faktor bukan SES. Kajian ini juga cuba membuat perbandingan kekuatan pengaruh SES yang dipilih (Pendapatan keluarga dan tahap akademik keluarga) dan bukan SES yang dipilih (Bangsa dan Jantina) dalam mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar. Sejumlah 162 pelajar dari sekolah menengah Dr Burhanuddin (Mempunyai aliran Khas dan Biasa) telah dipilih menjadi responden kajian. Data yang terkumpul dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS Version11.00 For windows*. Penyelidikan ini menggunakan dua jenis statistik iaitu diskriptif dan infrensi bagi membuat penafsiran dan rumusan kepada dapatan. Aplikasi model ekonometrik juga digunakan dalam kajian ini untuk melihat hubungan yang jelas pembolehubah yang dinyatakan terhadap pencapaian pelajar. Dapatan kajian menunjukkan semakin tinggi pendapatan dan akademik keluarga maka semakin tinggi pencapaian pelajar. Dapatan ini juga menunjukkan pendapatan keluarga sememangnya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pencapaian berbanding faktor akademik keluarga. Dapatan ini juga menunjukkan faktor bangsa tidak mempunyai hubungan yang signifikan ke atas pencapaian seseorang pelajar manakala faktor jantina pula terdapat hubungan, tetapi hubungannya sangat lemah berbanding faktor lain ke atas pencapaian. Kajian juga menunjukkan nilai  $R^2$  yang rendah memberi gambaran kepada kita terdapat faktor lain selain SES yang lebih kuat dalam mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah. Bagi kita selaku orang yang terlibat secara langsung dalam sistem pendidikan di Malaysia diharapkan dapatan ini boleh digunakan untuk merancang strategi yang perlu kearah peningkatan prestasi pelajar di sekolah.





The influence an income as a component  
of SES in determining  
students academic achievements

Fahmi b. Ahmad Subri

**(ABSTRACT)**

The research focuses on determining how far the influence an income as a component of SES has on the academic achievement of students compared to the SES and non-SES factors. This research tries to make comparative strengths of the used SES and non-SES programs in determining students academic achievements. A total of 162 students from SMK DR Burhanuddin (From selected and non-selected classes) Were chosen as respondents of the research. The data collected is than analysed using the SPSS Version 11 for windows software. The research will use two types of statistics, that is descriptive and inference, to arrive at an interpretation and summary to the data analysed. The use of the Econometric Model in the research will aid in arriving at a more conclusive conclusion to the research. The findings of the research conclusively shows the correlation between the income of the household to the academic achievements of the students and the higher the income bracket of the family, the better will the academic achievements of the students. It also shows that the income factor more influences the academic achievements of the students than the academic level of the family. The research further shows that the race factor does not have a significant influence on the findings and that gender factor constitutes the least influence on a students academic achievements. A final conclusion derived from the research is that a low  $R^2$  value indicates that there are other contributing factors to the academic achievement of the students. For a person directly involved in educational research of the education system in Malaysia, it is hope that the findings of this research will be of use in the planning strategies to improve the academic achievements of the students in schools





## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Jangkaan Dapatan Kajian	22
4.1 Analisis Diskriptif	70
4.2 Pencapaian Pelajar berdasarkan Pendapatan ibu bapa	71
4.3 Tahap pendapatan ibu bapa berdasarkan pencapaian	73
4.4 Pencapaian Pelajar berdasarkan tahap Akademik Ibu bapa	74
4.5 Pengaruh Akademik ibu bapa Terhadap pencapaian	75
4.6 Pencapaian Pelajar Berdasarkan Bangsa	76
4.7 Pengaruh Jantina Terhadap Pencapaian	77
4.8 Data Analisis Frekuensi	78
4.9 Jadual Korelasi Pearson	80
4.10 Model Summary – Analisis 1	81
4.11 Jadual Koeffisyen – Analisis 1	82
4.12 ANOVA – Analisis 1	84
4.13 Model Summary – Analisis 2	87
4.14 Jadual Koeffisyen – Analisis 2	88
4.15 Jadual Koeffisyen – Analisis 2 Model LN	89
4.16 ANOVA – Analisis 2	91
4.17 Model Summary – Analisis 3	93





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

vii  
ptbupsi

4.18	Jadual Koeffisyen – Analisis 3	94
4.19	ANOVA – Analisis 3	100
4.20	Analisis Diskritif Model LN	102
4.21	Jadual Korelasi	103
4.22	Model Summary – Analisis 3(LN)	104
4.23	Jadual Koeffisyen – Analisis 3 ( LN )	105
4.24	ANOVA – Analisis 3 (LN)	108
4.25	Penilaian Jangkaan Dapatan	111



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

vii  
ptbupsi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

vii  
ptbupsi



## KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

### BAB 1 PENGENALAN 1

1.1	Kaitan umum SES dan bukan SES dengan pencapaian	5
1.2	Tujuan Kajian	19
1.3	Rasional Kajian	20
1.4	Hipotesis Kajian	21
1.5	Jangkaan Dapatan	21

### BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	23
2.1	Kaitan SES dengan Pencapaian	24
2.2	Pendapatan Keluarga dengan Pencapaian	30
2.3	Tanggapan (Akademik) ibu-bapa dengan pencapaian	33
2.4	Hubungan Jantina dengan Pencapaian	39





2.5	Hubungan Etnik dengan Pencapaian	40
2.6	Kajian di Malaysia	44
2.7	Rumusan Tinjauan	46
2.7.1	Kaitan dengan SES	46
2.7.2	Pengaruh Pendapatan	47
2.7.3	Pengaruh Akademik Keluarga	48
2.7.4	Pengaruh Jantina	49
2.7.5	Pengaruh Bangsa	49

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Rangka Kerja Teori	51
3.1.1	Teori Matematik	51
3.1.2	Model Ekonometrik	53
3.1.2.1	Penerangan Pembolehubah	54
-	Pencapaian (Y)	54
-	Pendapatan Keluarga (X1)	54
-	Akademik Ibu-bapa (X2)	56
-	Bangsa(X3)	58
-	Jantina(X4)	58
3.2	Sampel Kajian	60
3.3	Instrumen Kajian	61
3.4	Prosedur Kajian	63
3.5	Analisis Statistik yang digunakan	64





## BAB 4 ANALISIS DAN PENTAFSIRAN KEPUTUSAN

4.0 Pengenalan	66
4.1 Analisis Diskriptif	69
4.1.1 Keseluruhan Sampel	69
4.1.2 Pendapatan	70
4.1.3 Pencapaian	72
4.1.4 Akademik Keluarga	73
4.1.5 Jantina	76
4.2 Pengujian Hipotesis	79
4.2.1 Analisis 1	81
Tafsiran Ke atas Nilai Koefisyen	85
4.2.2 Analisis 2	87
Tafsiran Ke atas Nilai Koefisyen Yang Terhasil	92
4.2.3 Analisis 3	93
Tafsiran Ke atas Nilai Koefisyen Yang Terhasil	98
4.3 Model LN	101
4.3.1 Analisis Model LN	103
Tafsiran Ke atas Model Koefisyen Yang Terhasil	110
4.4 Penilaian Jangkaan Dapatkan	111





## BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.0 Pengenalan	113
5.1 Ringkasan Kepada Penemuan	114
5.1.1 Penemuan Diskriptif dan infrensi	114
- Pencapaian Pelajar(Y) Dengan Pendapatan Keluarga(X1)	114
- Pencapaian Pelajar(Y) Dengan Akademik Keluarga(X2)	117
-Pencapaian Pelajar (Y) Dengan Bangsa Pelajar(X3)	121
- Pencapaian Pelajar (Y) Dengan Jantina Pelajar(X4)	124
5.2 Kesimpulan Kajian	127
5.3 Cadangan Kajian Masa Depan	130



## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Masalah pendapatan sering dikaitkan dengan taraf hidup seseorang individu. Semakin tinggi pendapatan maka semakin tinggi taraf hidup dan semakin rendah pendapatan maka semakin rendah taraf hidup seseorang individu. Ketinggian taraf hidup merujuk kepada kemampuan, suasana hidup yang selesa dan amat sesuai kepada persekitaran jiwa seseorang pelajar.

Taraf hidup yang tinggi juga sering dikaitkan tahap kesedaran pendidikan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa. Kemahiran keibuan bapaan yang tinggi, sanggup mendengar permasalahan anak-anak dalam bidang akademik, hubungan yang rapat



dengan pihak sekolah adalah antara faktor yang boleh mendorong kepada kecemerlangan pelajar. Sebaliknya masalah kemiskinan selalunya akan dikaitkan dengan masalah persekitaran hidup yang tidak teratur, krisis rumah tangga, tekanan yang mana persekitarannya amat tidak sesuai kepada jiwa seseorang pelajar. Persoalannya adakah suatu yang relevan kita mengaitkan antara tingkat pendapatan dengan tahap pencapaian pelajar di sekolah.

Pelbagai langkah telah dijalankan oleh kerajaan untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan penduduk terutama masyarakat luar bandar dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Ini adalah kerana kedudukan kewangan sesebuah isi rumah akan mempengaruhi semua aspek kehidupan institusi kekeluargaan tersebut samada dari aspek ekonomi, politik dan sosial. Oleh kerana isu pendidikan merupakan sebahagian daripada aspek sosial maka sudah tentu kesan keadaan kewangan isi rumah akan turut mempengaruhi tahap pencapaian pelajar samada berlakunya peningkatan ataupun penurunan.

Pengkaji dalam tahun 1950 an dan 1960 an (Loban, 1963; Deutsch, 1965) telah memulakan kajian sosial kelas yang berbeza memberi kesan penting kepada perkembangan kognitif anak-anak. Hess dan Shipman (1967,1968) dan Keller(1963) dalam kajiannya yang mencari hubungan yang signifikan antara SES dengan perkembangan kanak-kanak, telah menyimpulkan masalah sosial kanak-kanak dari





kalangan keluarga berpendapatan rendah berpunca dari persekitaran kehidupan yang tidak menyokong. Sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Meyinsee dan Tashakkori (1994) ke atas gred pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik samada dipengaruhi oleh SES, jantina atau bangsa.

Dengan menggunakan data yang diambil dari National Education Longitudinal Study (NELS), sampel kajian yang melibatkan 9000 orang pelajar telah dipilih untuk kajian. Mereka telah mendapati faktor sosio ekonomi pelajar (SES) adalah pembolehubah yang paling baik dalam mempengaruhi pencapaian matematik pelajar di sekolah. Memang tidak dapat dinafikan IQ pelajar itu sendiri turut memainkan peranan yang penting kepada perkembangan pencapaian pelajar di sekolah. Terdapat banyak kajian yang berkaitan perkembangan awal kanak-kanak telah menunjukkan hubungan yang signifikan antara IQ dengan kesan baik dalam pencapaian kanak-kanak, dari aspek motivasi, tingkah laku dan emosi. Namun begitu Perkembangan dalam IQ kanak-kanak juga ada kaitannya dengan tahap SES sesebuah keluarga.

Pencapaian sememangnya menunjukkan hubungan yang sangat kuat dengan SES ( Lee & Smith, 1993). Walaubagaimanapun, terdapat juga sesetengah para pengkaji melihat kesan SES jika dibandingkan dengan faktor lain pengaruh SES adalah lebih rendah. Sebagai contoh kajian ke atas sosioekonomi remaja Australia, yang dibuat oleh Marjoribanks (1996) telah menemui aspirasi yang diberikan oleh ibu bapa itu sendiri





terhadap anak-anak adalah tiga kali ganda lebih penting daripada kesan SES terhadap remaja berbanding tahap pendidikan yang ada pada ibu bapa itu sendiri. Selain itu di United States, Wilson-Sadberry, Winfield dan Roster (1991) dalam kajiannya yang meluas ke atas pelajar sineor di sebuah sekolah tinggi kulit hitam sepanjang tempoh empat tahun telah melaporkan kesan perancangan yang dibuat ke atas pelajar lepasan sekolah menengah adalah tiga kali lebih besar ke atas pencapaian pelajar berbanding SES dalam persekitaran sebenar di kolej.

Dengan ini jelas membuktikan kepada kita kegagalan akademik seseorang pelajar tidak hanya bergantung kepada SES semata-mata. Di sana timbulah persoalan kepada kita apakah sumbangan SES kepada pencapaian pelajar serta bentuk hubungan yang luas dari aspek sumbangannya dalam meramal atau menentukan keputusan peperiksaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu pencapaian pelajar dalam bidang akademik merupakan suatu isu yang sangat besar dan penting untuk dikaji. Kecemerlangan pelajar dalam akademik akan merubah nasib diri, keluarga malah bangsa itu sendiri.. Dalam konteks negara sekalipun, jika dibuat perbandingan perbelanjaan untuk pendidikan antara negara maju dan membangun, negara yang maju memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk pendidikan berbanding negara sedang membangun. Malah bagi negara yang sedang membangun untuk menjadi sebuah negara maju perlu memberi fokus perbelanjaan negara dalam





sektor pendidikan, berbanding sektor lain. Ini adalah kerana keselesaan frasarana pendidikan sesebuah negara sering dikaitkan dengan tahap pencapaian pendidikan penduduk negara tersebut. Namun begitu dalam konteks sekolah, terdapat banyak faktor lain yang juga boleh mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Setiap pelajar yang berbeza mempunyai tahap kognitif dan kebolehan yang berbeza. Selain status keluarga yang baik dari aspek ekonomi, terdapat banyak pengaruh lain dalam komponen SES yang boleh mempengaruhi pencapaian, antaranya pendidikan ibu bapa, jenis pekerjaan dan kedudukan tempat tinggal samada di bandar atau di luar bandar .

## 1.1 Kaitan Umum Antara Faktor Ses Dan Bukan Ses Dengan Pencapaian



Secara umumnya kita boleh mengaitkan faktor SES terutamanya tahap ekonomi keluarga adalah seperti berikut,

### 1. Ekonomi

Bagi golongan kelas bawahan, mereka tentunya memiliki pendapatan yang rendah. Dari itu, mereka tidak berkemampuan untuk membeli segala peralatan dan keperluan sekolah untuk anak-anak mereka. Selain itu, mereka juga tidak mampu membayar segala kos perbelanjaan sekolah anak mereka seperti yuran sekolah dan





seumpamanya. Manakala bagi golongan atasan dan menengah pula, semua perkara yang disebutkan di atas tadi bukanlah merupakan masalah yang besar bagi mereka. Ini kerana, dari segi kewangan mereka memang mampu untuk membayai persekolahan anak-anak mereka. Malah ini adalah satu kelebihan bagi diri mereka dan satu keuntungan kepada anak-anaknya kerana mereka akan dapat ilmu pengetahuan yang lebih (dari apa yang diajarkan di sekolah).

Maksud mendapat ilmu yang lebih di sini ialah dengan adanya wang mereka mempunyai tahap kemampuan membeli buku-buku pelajaran tambahan yang dijual di kedai-kedai buku sama ada di dalam ataupun di luar negara. Dengan erti kata lain, mereka tidak hanya bergantung pada buku-buku yang disediakan oleh pihak sekolah. Bagi golongan bawahan, pembelajaran anak-anak mereka agak terhad terutama sekali dari segi memperolehi bahan-bahan bacaan dan sebagainya. Kesannya kita dapat mengandaikan para pelajar yang ibu bapanya mempunyai tahap pendapatan yang tinggi lebih berpeluang untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang baik di sekolah.

## 2. Kesihatan

Kesihatan merupakan perkara yang sangat penting terhadap manusia begitu juga dengan diri pelajar. Bagi golongan kelas bawahan, mereka kebanyakannya makan makanan yang kurang berkhasiat. Maksud makanan yang berkhasiat di sini ialah





makanan yang mempunyai protein, vitamin, karbohidrat dan sebagainya yang diperlukan oleh anggota tubuh badan yang boleh menyumbang kepada kesihatan dan kognitif seseorang itu. Akibat daripada pemakanan yang kurang berkhasiat ini boleh menyebabkan tahap kesihatan mereka berada di tahap rendah. Kecenderungan untuk tidak hadir ke sekolah akibat faktor kesihatan akan lebih tinggi daripada pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan tinggi. Kesannya ia boleh menyebabkan pelajar tersebut ketinggalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam masa yang sama, pembelajaran mereka akan terganggu atau terjejas serta jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kawan-kawan mereka. Ini akan menjelaskan tahap perkembangan pembelajaran mereka. Selain itu kekurangan pendapatan keluarga juga memberi kesan kepada kos pembiayaan rawatan kanak-kanak tersebut. Untuk membiayai kos perubatan juga terlalu tinggi. Ada sesetengah mereka hanya menggunakan perubatan secara tradisional yang murah dan kurang berkesan. Kesannya tahap kecergasan kanak-kanak ini di sekolah amat rendah dan boleh memberi kesan kepada penurunan motivasi pembelajaran di sekolah.

Bagi golongan atasan dan pertengahan pula, masalah ini tidak timbul. Mereka rata-rata mengambil makanan yang berkhasiat dan baik untuk kesihatan. Faktor ini ada kaitan dengan faktor yang dibincangkan di atas tadi iaitu dari segi faktor kemampuan (cukup dari segi kewangan). Sekalipun anak-anak mereka sakit, mereka akan menghantarnya ke hospital-hospital yang sudah diiktiraf sebagai sebuah hospital yang





berkualiti dari segi rawatan, para doktor yang memang berstatus pakar sama ada doktor tempatan mahupun doktor yang didatangkan dari luar negara. Ada sesetengah keluarga yang mempunyai doktor peribadi. Doktor itu mereka gaji dan dipertanggungjawabkan untuk merawat mereka sekeluarga. Di sini jelas bahawa perbezaan antara kelas atasan dan pertengahan itu jelas berbeza dengan kelas bawahan.

### 3. Tempat tinggal

Tempat tinggal juga memainkan peranan penting terhadap pembelajaran seseorang. Bagi mereka yang tidak berkemampuan (golongan bawahan), sudah tentu keadaan tempat tinggal mereka tidak begitu selesa seperti sempit, bising, kurangnya kemudahan asas seperti bekalan elektrik, telefon, bekalan air dan sebagainya. Sebagai contoh ialah tiada kemudahan bekalan elektrik. Ini terjadi kerana kos untuk membayarnya adalah sangat mahal bagi mereka. Anak-anak mereka tidak selesa tidur kerana terasa panas lebih-lebih jika musim itu adalah musim kemarau. Akibatnya, anak-anak mereka itu akan menghadapi masalah tidak cukup tidur dan ketika berada di sekolah nanti, mereka akan mengantuk. Kejadian ini sudah tentu akan menjaskan prestasi pembelajaran mereka.





Selain itu, anak-anak mereka hanya belajar dengan diterangi oleh lampu-lampu minyak tanah atau lilin. Sungguhpun pada hakikatnya cara ini sangat menjimatkan dari segi kewangan akan tetapi di masa yang sama ia juga boleh mendatangkan bahaya. Bahaya yang dimaksudkan itu ialah seperti kebakaran, berpotensi untuk mendapat penyakit alahan kerana terdedah dengan asap dan sebagainya. Kesannya pembelajaran mereka akan tejejas, kehilangan tempat tinggal, sakit berpanjangan dan seumpamanya.

Bagi golongan atasan pula, tempat tinggal mereka adalah jauh lebih selesa jika dibandingkan dengan kelas bawahan. Keseluruhan mereka ini memiliki rumah yang besar yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan yang canggih dan moden. Misalnya setiap bilik mereka akan dilengkapi dengan alat penghawa dingin yang harganya hingga mencecah ribuan ringgit. Dari segi pembelajaran, anak-anak mereka akan merasa selesa kerana keadaan bilik sentiasa sejuk dan luas. Selain itu juga dapat tidur dengan lena. Berdasarkan dari perbezaan di atas tadi, tidak mustahillah mereka dapat belajar dengan selesa tanpa sebarang gangguan.

#### 4. Peranan Ibu Bapa (Pendidikan)

Cara ibu bapa memberikan pendidikan terhadap anak-anak mereka juga boleh mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak. Menurut kajian yang telah dibuat di Amerika Syarikat, golongan bawahan tidak berapa mementingkan pelajaran anak-anak





mereka berbanding golongan pertengahan yang lebih mementingkan dan mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka. Selain itu, kepercayaan ibu bapa yang sudah lapuk terhadap anak mereka juga menjadi sebab terhadap kemunduran pelajaran anak-anak mereka. Misalnya, mereka lebih mementingkan pembelajaran anak lelaki berbanding dengan anak perempuan. Kononnya anak lelakilah yang akan bakal menjadi pemimpin keluarga dan mempunyai tanggungjawab yang besar.

Mereka menganggap bahawa walaupun anak perempuan mereka berpelajaran tinggi sehingga ke menara gading, akhirnya mereka akan pergi ke dapur juga. Kepercayaan seperti inilah yang perlu dihapuskan dari pemikiran mereka. Pada zaman sekarang, taraf golongan wanita adalah sama dengan taraf lelaki kecuali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama (pangkat antara lelaki dengan wanita, kewajipan, tanggungannya dalam ajaran agama Islam dan sebagainya). Sebagai buktinya, sudah ramai golongan wanita yang menyandang status tinggi dalam masyarakat pada hari ini terutama sekali dalam bidang perniagaan, pengurusan, pentadbiran, pendidikan dan seumpamanya.

Golongan bawahan tidak memberi motivasi kepada anak-anak mereka terutama sekali dalam bidang pelajaran. Selain itu, mereka juga tidak berkeupayaan untuk memberikan sesuatu hadiah sebagai dorongan jika anak-anak mereka lulus atau mencapai markah yang cemerlang dalam peperiksaan (salah satu puncanya ialah tidak





berkemampuan dari segi kewangan). Alasan seperti inilah yang seringkali diutarakan kepada pihak-pihak tertentu apabila ditanya. Sebenarnya, alasan tersebut tidaklah sesuai digunakan. Jika seseorang itu tidak berkemampuan untuk mengadakan hadiah misalnya, cubalah cari alternatif lain yang difikirkan boleh mendorong anak-anak mereka untuk terus maju dalam bidang pelajaran. Sebagai contoh, jika anak mereka lulus dan mendapat markah yang cemerlang, mereka haruslah memberikan pujian kepadanya. Di masa yang sama, anak itu akan merasa diri mereka dihargai, disayangi, diberi perhatian dan sebagainya. Pujian itulah sebenarnya memberikan dorongan kepada mereka untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan belajar dengan rajin lagi untuk mencapai tahap yang lebih baik dari sebelumnya. Malangnya kemahiran ini sebahagian besarnya tidak wujud dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah.



Bagi golongan atasan dan pertengahan pula, mereka lebih mementingkan kemajuan dan prestasi pembelajaran anak-anak mereka. Mereka sangat menitikberatkan perkembangan pelajaran anak-anak mereka. Mana-mana yang kurang akan ditambah (dari segi peralatan sekolah dan sebagainya). Mereka akan menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti kelas-kelas tambahan, menyediakan kemudahan seperti internet, mesin komputer, buku-buku bacaan tambahan dan banyak lagi. Mereka akan menjanjikan pelbagai hadiah yang akan diberikan kepada anak-anak mereka sebagai balasan di atas kejayaan dalam pelajaran dan menjadi pendorong kepada anak itu untuk terus





mempertingkatkan mutu pelajaran mereka di masa hadapan. Pendek kata, mereka sanggup berbelanja besar asalkan anak mereka berjaya dalam bidang pelajaran.

### **5. Pengaruh luar (masyarakat) dan rakan sebaya (kawan-kawan).**

Mereka (golongan bawahan) kurang berinteraksi dengan masyarakat disebabkan oleh perbezaan kelas sosial. Ada kalanya mereka ini diasingkan terutama sekali dalam majlis-majlis tertentu. Maksudnya di sini ialah dari segi tempat duduk. Sebagai contoh ialah ketika menghadiri majlis perkahwinan dan sebagainya. Tempat duduk mereka tidak sama dengan tempat duduk kelas atasan dan pertengahan. Tempat mereka telah disediakan khas sesuai dengan taraf dan kedudukan mereka dalam masyarakat. Oleh yang demikian interaksi dengan masyarakat amat terhad sekali.



Pengaruh luar yang lain ialah pengaruh media elektronik seperti internet, telefon bimbit dan sebagainya. Bagi golongan bawahan, mereka tidak mampu memperolehi segala kemudahan-kemudahan yang disebutkan di atas tadi disebabkan oleh ketidakmampuan ibu bapa mereka untuk mendapatkannya. Dari segi pembelajaran, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa golongan bawahan kurang mahir dalam menggunakan peralatan terkini seperti internet bagi tujuan memperolehi ilmu pelajaran. Selain dari sebab tidak berkemampuan, kurangnya pendedahan terhadap internet juga merupakan salah satu sebab mengapa mereka mundur dari segi pelajaran.





Walau bagaimanapun, masalah seperti ini tidak timbul di negara kita. Ini kerana, pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membekalkan sekolah-sekolah (rendah dan menengah) dengan mesin-mesin komputer. Ia bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar dan tenaga pengajar untuk mendapatkan bahan pelajaran dan pengajaran melalui internet dengan mudah secara percuma. Bagi golongan kelas bawahan, ini merupakan satu kesempatan bagi mereka untuk mendapatkan ilmu melalui alat teknologi ini sebanyak yang mungkin. Kemudahan ini hanya boleh didapati di sekolah sahaja. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada mereka untuk memanfaatkannya.

Berlainan pula dengan golongan pertengahan dan atasan, mereka boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi  
mendapatkannya pada bila-bila masa sahaja. Tidak hairanlah jika kelas atasan maju dari

segi pembelajaran mereka kerana banyak memperolehi bahan-bahan pelajaran dari luar sekolah seperti dari internet, majalah-majalah, buku-buku dan seumpamanya. Jurang antara golongan atasan dan pertengahan dengan golongan bawahan ini sangat jauh dan amat ketara sekali. Seperti mana yang dibincangkan di atas tadi, golongan ini mempunyai kemudahan komputer di rumah mereka. Dalam masa yang sama, mereka juga mempunyai kemudahan internet. Dari itu, anak-anak mereka tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan-bahan pelajaran tambahan melalui internet. Tidak hairanlah bahawa tahap pembelajaran mereka adalah jauh lebih tinggi dan maju berbanding dengan





golongan bawahan. Itu pun kalau mereka pandai memanfaatkan segala kemudahan yang diberikan oleh orang tua mereka.

Selain itu, pengaruh kawan-kawan juga boleh menyumbang dan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang. Jika kawan itu baik, maka mereka akan menjadi baik begitu juga sebaliknya. Jika sekiranya kawan itu lebih menjurus kepada melakukan perkara yang kurang baik, kurang sihat, meruntuhkan akhlak dan tidak bermoral seperti melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang, penyalahgunaan dada, melepak, pergaulan bebas, mencuri dan sebagainya tidak mustahil perkara ini akan mempengaruhi mereka (kelas bawahan, atasan dan pertengahan).

Bagi kelas bawahan, peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah sangat tipis.

Jika pun ada ia sangat jarang sekali diperolehi. Pada zaman ini semua pekerjaan baik di sektor kerajaan dan swasta lebih mementingkan kelulusan dan kemahiran. Memang ada juga kebenarannya mengenai kenyataan di atas. Sebagai contoh jika seseorang itu mendapat pekerjaan di salah sebuah gedung perniagaan dan ia ditugaskan sebagai juruwang. Jika ia tidak mempunyai kelulusan (dalam pelajaran matematik dan perakaunan) sudah tentu ia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik kerana ia tidak tahu mengira. Jika perkara ini berlaku, (semua juruwang tidak tahu mengira), sudah tentu ia akan mendatangkan masalah pada syarikat itu dan jika kurang bermasib baik syarikat itu akan tutup.



Bagi golongan atasan dan pertengahan pula, sungguhpun peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan itu tidaklah begitu susah, akan tetapi kelulusan itu masih penting bagi diri mereka. Jika mereka tidak berkelulusan bagaimana mereka akan menguruskan perniagaan mereka jika pekerjaan itu berbentuk perniagaan.

## 6. Jantina

Faktor jantina adalah faktor bukan SES yang turut juga diambil kira dalam memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Ini adalah kerana sikap atau cara hidup yang amat berbeza antara lelaki dan perempuan. Perbezaan ini wujud akibat perkembangan sosiologi yang berbeza antara pelajar lelaki dan perempuan. Terdapat pendapat yang menyatakan keupayaan kognitif pelajar lelaki adalah lebih baik daripada pelajar perempuan. Mengikut kajian luar, pelajar lelaki lebih mudah dalam aspek penilaian kuantitaif, penaakulan dan penyelesaian masalah berbanding pelajar perempuan. Manakala pelajar perempuan pula lebih baik dari aspek penghafalan berbanding lelaki . Dari aspek sikap pula pelajar perempuan pula lebih rajin berbanding lelaki, mereka lebih sistematik, menepati masa dan teliti dalam melaksanakan tugas yang diberi oleh guru. Tahap kerisauan mereka juga tinggi, dan ini menyebabkan lebih terdorong untuk bersedia lebih awal dan kebiasaannya agak panik apabila melaksanakan tugas di saat-saat akhir. Berbeza dengan pelajar lelaki, kerja mereka lebih ringkas, kurang teliti, tahap kerisauan



yang rendah dan lebih suka menyelesaikan tugas di saat-saat akhir. Perbezaan sikap ini juga boleh mempengaruhi perbezaan pencapaian antara mereka. Dari aspek pandangan masyarakat pula, sesetengah masyarakat yang masih berpegang kepada kefahaman tradisional, kurang menggalakkan untuk wanita belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Pada pendapat mereka tempat wanita lebih sesuai di dapur, menjadi suri rumah dan menjaga anak-anak selepas mendirikan rumah tangga. Kesan dari tanggapan ini, menyebabkan kurangnya dorongan untuk wanita meningkatkan pencapaian mereka di sekolah. Berbanding lelaki, masyarakat meletakkan status dan harapan yang tinggi untuk beroleh kecemerlangan dalam pencapaian di sekolah. Pada pendapat mereka, pelajar lelaki bakal menjadi ketua keluarga, harapan keluarga, pemimpin masa depan dan sebagainya. Kesannya pelajar lelaki lebih banyak menerima dorongan untuk berjaya dalam pelajaran mereka berbanding wanita. Kesemua aspek tadi memungkinkan berlakunya perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan dalam pencapaian di sekolah.

## 7. Bangsa

Bangsa juga merupakan aspek bukan SES yang turut memberi kesan ke atas pencapaian pelajar di sekolah. Perbezaan budaya, sejarah, dan kedudukan dalam kelas ekonomi dalam sesebuah negara boleh menyebabkan perbezaan ke atas pencapaian di sekolah. Sebagai contoh pelajar kulit hitam di Amerika, pencapaian mereka lebih rendah





dari pelajar kulit putih. Daripada tinjauan pembacaan, keadaan ini berlaku disebabkan bangsa kulit hitam ini agak terpinggir dari aspek ekonomi disebabkan mereka adalah golongan minoriti di Amerika serta tanggapan prejedis terhadap sistem pendidikan yang pada pendapat mereka berlakunya diskriminasi kaum. Dalam konteks Malaysia, kesan penjajahan barat yang begitu panjang juga boleh menyebabkan berlakunya perbezaan pencapaian antara bangsa yang berlainan. Pengelasan ekonomi mengikut kaum yang dibuat oleh Inggeris telah memberi kesan kepada tanggapan terhadap kepentingan pendidikan di negara ini. Contohnya, bangsa Melayu yang dibiarkan terlibat dalam aktiviti sara diri dan kebun kecil, menyebabkan mereka terpinggir dari aspek ekonomi. Kesannya mereka kurang mampu untuk menyediakan kemudahan persekolahan untuk anak-anak mereka, berbanding kaum China yang banyak terlibat dengan perlombongan dan perniagaan lebih baik dari aspek ekonomi dan mampu untuk menyediakan kelengkapan yang baik untuk persekolahan anak-anak. Keadaan ini berterusan sehingga awal kemerdekaan dan memberi kesan kepada penyusunan masyarakat di Malaysia. Kesannya kebanyakannya bidang professional seperti perubatan, akauntan, jurutera dan sebagainya dimonopoli oleh orang bukan melayu. Selain itu, motivasi yang tinggi untuk berjaya sememangnya wujud dalam diri bangsa bukan melayu di Malaysia. Ini adalah kerana mereka merasakan mereka adalah golongan minoriti di negara ini, dan perlu untuk bersaing dengan penduduk majoriti atau pribumi supaya mereka tidak dipinggirkan atau dipandang rendah. Berbeza dengan penduduk majoriti yang berbangsa Melayu di negara ini, kebanyakan mereka merasa selesa dengan kehidupan mereka, rasa selamat di negara





sendiri dan cukup dengan apa yang ada pada mereka meyebabkan mereka kurang berdaya saing dalam pelajaran dan memberi kesan kepada aspek pencapaian.

Daripada pernyataan di atas jelas menunjukkan kesemua faktor SES seperti pendapatan keluarga, tahap pendidikan keluarga, kesihatan, tempat tinggal, pengaruh luar(masyarakat) dan faktor bukan SES seperti jantina dan bangsa amat berkait atau mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar. Namun begitu untuk melihat kesan faktor SES dan bukan SES ke atas pencapaian, kajian ini hanya membataskan kajian kepada faktor pendapatan ibu-bapa dan tahap akademik keluarga (faktor SES) dan faktor bangsa dan jantina(faktor bukan SES) sahaja. Faktor ini dipilih disebabkan ia dilihat lebih dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar berdasarkan kajian pembacaan yang telah dibuat.



Kesemua kaitan di atas adalah suatu andaian kaitan umum antara kesan SES ke atas pencapaian tanpa pengujian secara statistik. Oleh itu suatu pengujian secara statistik adalah amat penting bagi membuktikan kebenaran andaian umum di atas agar sesuatu keputusan pemulihan yang bakal dibuat lebih tepat dan berkesan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



19ptbupsi

## 1.2 Tujuan Kajian

1. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti adakah faktor pendapatan mempunyai hubungan yang sangat signifikan ke atas tahap pencapaian pelajar
2. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti darjah pengaruh pendapatan berbanding faktor lain dalam sosio ekonomi pelajar (SES) terhadap pencapaian pelajar di sekolah.
3. Kajian ini adalah amat penting bagi kita mengenal pasti faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dan dengannya boleh kita merancang beberapa penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut.
4. Kajian ini juga ingin mengenal pasti darjah pengaruh bukan SES iaitu bangsa dan jantina pelajar terhadap pencapaian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



### 1.3 Rasional Kajian

Seringkali ahli politik, pemimpin masyarakat, pentadbir di peringkat sekolah mengaitkan faktor kemiskinan merupakan faktor yang paling dominan kepada tahap pencapaian pelajar yang rendah. Ini adalah dikaitkan kesukaran pelajar itu mendapat suasana pembelajaran yang selesa di rumah, kegagalan penjaga menyediakan keperluan pembelajaran yang mencukupi dan sebagainya. Namun begitu ada pula sesetengah pendapat yang menyatakan faktor kekayaan juga boleh mempengaruhi tahap pencapaian pelajar meningkat . Peningkatan dikaitkan dengan keselesaan untuk belajar dan kemudahan pelajar itu mendapatkan peralatan atau kelengkapan pembelajaran. Namun ada juga pengkaji yang berpendapat faktor kemiskinan juga boleh menjadi aspirasi kepada para pelajar untuk mencapai kecemerlangan, kerana wujudnya keinginan merubah status hidup keluarga. Oleh yang demikian kajian ini amat penting untuk menilai sejauh manakah pendapatan isi rumah itu mempengaruhi terhadap pencapaian pelajar dan jika ia menunjukkan hubungan yang sangat kuat maka adalah perlu pihak kerajaan merancang dengan menggubal dasar subsidi pendidikan yang lebih efisyen bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa kepada pelajar yang terbabit.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



21uppsi

## 1.4 Hipotesis Kajian

1. Tiada perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang tahap pendapatan keluarga yang tinggi dengan pelajar yang tahap pendapatan keluarga yang rendah dengan pencapaian akademik
2. Tiada perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang tahap pendidikan ibu bapa yang tinggi dengan pelajar yang tahap pendidikan ibu bapa yang rendah
3. Tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dengan pencapaian
4. Tiada perbezaan yang signifikan antara bangsa dengan pencapaian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuppsi

## 1.5 Jangkaan Dapatan

Daripada tinjauan pembacaan yang diambil dari kajian lepas, kita dapat menjangkakan di akhir kajian ini, setelah dapatan sampel dianalisis maka hubungan antara pemboleh ubah bersandar (Pendapatan) (Y) dengan pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah seperti berikut,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuppsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
22

### Jadual 1.1

#### Jangkaan Dapatan Kajian

Bilangan	Pembolehubah Bebas	Hubungan Dengan
		Pencapaian (Y)
1	Pendapatan Ibu-bapa (X1)	Positif
2.	Akademik Keluarga (X2)	Positif
3.	Bangsa (X3)	Positif
4.	Jantina (X4)	Negatif



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi